



“PMK” ertinya Permit Menjalankan Kerja yang merujuk kepada kebenaran bertulis untuk melaksanakan kerja-kerja tertentu yang dikeluarkan mengikut Peraturan-Peraturan.

### **Pemakaian**

4. Arahan ini hendaklah terpakai kepada—

- (a) mana-mana pemunya, pengurusan atau pemegang lesen sesuatu pemasangan;
- (b) mana-mana Jurutera Perkhidmatan Elektrik, Jurutera Elektrik Kompeten, Jurutera Elektrik Kompeten residen atau Penyelia Elektrik yang mengesyorkan mana-mana orang kompeten mengikut peraturan 60 Peraturan-Peraturan; dan
- (c) mana-mana orang kompeten yang dilantik untuk mengerjakan, mengendalikan atau mempunyai kawalan ke atas apa-apa kerja atau pengendalian sesuatu pemasangan yang dikehendaki oleh mana-mana pemunya, pengurusan atau pemegang lesen pemasangan mengikut peraturan 60 Peraturan-Peraturan.

### **Pelaksanaan**

5. Sekatan penggunaan Perakuan Kekompetenan adalah sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 55(1)(a) Peraturan-Peraturan.

6. Klasifikasi sekatan bagi penggunaan Perakuan Kekompetenan Elektrik bagi Jurutera Perkhidmatan Elektrik, Jurutera Elektrik Kompeten, Penyelia Elektrik, Penjaga Jentera, Pendawai atau Pencantum Kabel adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual di bawah:

**Jadual 1**  
**Sekatan bagi Pendawai:**

<b>KATEGORI</b>	<b>KELAS SEKATAN</b>
<b>PENDAWAI SATU FASA</b>	
<b>PW1</b>	Satu Fasa
<b>PW2</b>	Satu Fasa dan Endorsan Pengujian
<b>PENDAWAI TIGA FASA</b>	
<b>PW3</b>	Tiga Fasa
<b>PW4</b>	Tiga Fasa dan Endorsan Pengujian
<b>PW5</b>	Tiga Fasa dengan Papan Tanda Neon
<b>PW6</b>	Tiga Fasa dengan Papan Tanda Neon dan Endorsan Pengujian

**Jadual 2**  
**Sekatan bagi Penjaga Jentera**

<b>KATEGORI</b>	<b>KELAS SEKATAN</b>
<b>PENJAGA JENTERA VOLTAN RENDAH (SEHINGGA 1,000V)</b>	
<b>A0</b>	Sistem Voltan Rendah (Tanpa Talian Atas dan Tanpa Stesen Janakuasa)
<b>A1</b>	Sistem Voltan Rendah (Tanpa Stesen Janakuasa)
<b>A4-2</b>	Sistem Voltan Rendah (Tanpa Talian Atas dan Penyegerakan Janakuasa)
<b>A4-1</b>	Sistem Voltan Rendah (Tanpa Penyegerakan Janakuasa)
<b>A4</b>	Sistem Voltan Rendah
<b>PENJAGA JENTERA VOLTAN SEDERHANA</b>	
<b>B0-2 11kV</b>	Sistem Voltan Sederhana (Tanpa Talian Atas Voltan Sederhana, Stesen Janakuasa Voltan Sederhana, Tanpa Talian Atas Voltan Rendah dan Penyegerakan Janakuasa Voltan Rendah) Sehingga 11kV
<b>B0-1 11kV</b>	Sistem Voltan Sederhana (Tanpa Talian Atas Voltan Sederhana, Stesen Janakuasa Voltan Sederhana dan Tanpa Penyegerakan Janakuasa Voltan Rendah) Sehingga 11kV

<b>KATEGORI</b>	<b>KELAS SEKATAN</b>
<b>B0-2 33kV</b>	Sistem Voltan Sederhana (Tanpa Talian Atas Voltan Sederhana, Stesen Janakuasa Voltan Sederhana, Tanpa Talian Atas Voltan Rendah dan Penyegerakan Janakuasa Voltan Rendah) Sehingga 33kV
<b>B0-1 33kV</b>	Sistem Voltan Sederhana (Tanpa Talian Atas Voltan Sederhana, Stesen Janakuasa Voltan Sederhana dan Tanpa Penyegerakan Janakuasa Voltan Rendah) Sehingga 33kV
<b>B0 11kV</b>	Sistem Voltan Sederhana (Tanpa Talian Atas Voltan dan Tanpa Stesen Janakuasa Voltan) Sehingga 11kV
<b>B0 33kV</b>	Sistem Voltan Sederhana (Tanpa Talian Atas Voltan dan Tanpa Stesen Janakuasa Voltan) Sehingga 33kV
<b>B1 11kV</b>	Sistem Voltan Sederhana (Tanpa Stesen Janakuasa Voltan) Sehingga 11kV
<b>B1 33kV</b>	Sistem Voltan Sederhana (Tanpa Stesen Janakuasa Voltan) Sehingga 33kV
<b>B4 11kV</b>	Sistem Voltan Sederhana Sehingga 11kV
<b>B4 33kV</b>	Sistem Voltan Sederhana Sehingga 33kV

**Jadual 3**  
**Sekatan bagi Pencantum Kabel**

<b>KATEGORI</b>	<b>KELAS SEKATAN</b>
<b>PENCANTUM KABEL</b>	
<b>PK1</b>	Voltan Rendah
<b>PK2</b>	Sehingga 11kV
<b>PK3</b>	Sehingga 33kV
<b>PK4</b>	Sehingga 66kV
<b>PK5</b>	Sehingga 132kV
<b>PK6</b>	Sehingga 275kV

**Jadual 4**  
**Sekatan bagi Penyelia Elektrik**

KATEGORI	KELAS SEKATAN
<b>PENYELIA ELEKTRIK</b>	
<b>PE1</b>	Sehingga 1kV

**Jadual 5**  
**Sekatan bagi Jurutera Elektrik Kompeten**

KATEGORI	KELAS SEKATAN
<b>JURUTERA ELEKTRIK KOMPETEN</b>	
<b>JK1</b>	Sehingga 11kV
<b>JK2</b>	Sehingga 33kV
<b>JK3</b>	Sehingga 66kV
<b>JK4</b>	Sehingga 132kV
<b>JK5</b>	Sehingga 275V
<b>JK6</b>	Sehingga 500kV
<b>JK7</b>	Terhad pada sekatan voltan (hanya untuk TNB Grid, Pengendali Sistem Grid (GSO) dan Makmal Voltan Tinggi)

**Jadual 6**  
**Sekatan bagi Jurutera Perkhidmatan Elektrik**

KATEGORI	KELAS SEKATAN
<b>JURUTERA PERKHIDMATAN ELEKTRIK</b>	
<b>JP1</b>	Sehingga 11kV
<b>JP2</b>	Sehingga 33kV

KATEGORI	KELAS SEKATAN
JP3	Sehingga 66kV
JP4	Sehingga 132kV
JP5	Sehingga 275V
JP6	Sehingga 500kV

**Jadual 7**  
**KELAS SEKATAN BAGI ORANG KOMPETEN**

NO	KATEGORI	KELAS SEKATAN
1	Jurutera Perkhidmatan Elektrik	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengerjakan, mengendalikan atau mempunyai kawalan atas apa-apa kerja atau pengendalian sesuatu pemasangan elektrik mengikut sekatan bagi Jurutera Perkhidmatan Elektrik.</li> <li>2. Mengeluarkan PMK sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan kepada orang yang bekerja di bawah kawalannya, jika perlu.</li> <li>3. Melawat dan memeriksa pemasangan elektrik.</li> <li>4. Merekod dan melaporkan dapatan pemeriksaan bagi tujuan membaiki pemasangan elektrik.</li> <li>5. Melaksanakan kerja-kerja pengujian dan penentukuran ke atas geganti dan peranti pelindung.</li> <li>6. Menyediakan dan mengemukakan pelan, lukisan dan spesifikasi pemasangan elektrik mengikut had voltan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian VI, Jadual Kedua Akta.</li> </ol>

NO	KATEGORI	KELAS SEKATAN
2	Jurutera Elektrik Kompeten	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengerjakan, mengendalikan atau mempunyai kawalan atas apa-apa kerja atau pengendalian sesuatu pemasangan elektrik mengikut sekatan bagi Jurutera Elektrik Kompeten.</li> <li>2. Mengeluarkan PMK sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan kepada orang yang bekerja di bawah kawalannya, jika perlu.</li> <li>3. Melawat dan memeriksa pemasangan elektrik.</li> <li>4. Merekod dan melaporkan dapatan pemeriksaan bagi tujuan membaiki atau menghapuskan kecacatan pada sesuatu pemasangan elektrik.</li> <li>5. Menyediakan dan mengemukakan pelan, lukisan dan spesifikasi pemasangan elektrik mengikut had voltan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian VI, Jadual Kedua Akta.</li> </ol>
3	Penyelia Elektrik	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengerjakan, mengendalikan atau mempunyai kawalan atas apa-apa kerja atau pengendalian sesuatu pemasangan elektrik mengikut sekatan bagi Penyelia Elektrik.</li> <li>2. Mengeluarkan PMK-sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan - Peraturan kepada orang yang bekerja di bawah kawalannya, jika perlu.</li> <li>3. Melawat dan memeriksa pemasangan elektrik.</li> <li>4. Merekod dan melaporkan dapatan pemeriksaan bagi</li> </ol>

NO	KATEGORI	KELAS SEKATAN
		<p>tujuan memperbaiki atau menghapuskan kecacatan pada sesuatu pemasangan elektrik voltan rendah.</p> <p>5. Menyediakan dan mengemukakan pelan, lukisan dan spesifikasi pemasangan elektrik sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian VI, Jadual Kedua Akta.</p>
4	Penjaga Jentera Elektrik	<p>1. Mengerjakan, mengendalikan atau mempunyai kawalan atas apa-apa kerja atau pengendalian sesuatu pemasangan elektrik mengikut sekatan bagi Penjaga Jentera Elektrik.</p> <p>2. Mengeluarkan PMK–sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan kepada orang yang bekerja di bawah kawalannya, jika perlu.</p>
5	Pencantum Kabel	Melaksanakan kerja-kerja cantuman, sambungan atau tamatan kabel elektrik mengikut sekatan bagi Pencantum Kabel.
6	Pendawai Elektrik	<p>1. Menjalankan kerja-kerja pendawaian atau pengujian pada pemasangan Fasa Tunggal atau Fasa Tiga yang menerima bekalan elektrik dari Pemegang Lesen mengikut sekatan bagi Pendawai Elektrik.</p> <p>2. Menyediakan dan mengemukakan pelan, lukisan dan spesifikasi pemasangan elektrik sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian VI, Jadual Kedua Akta.</p>

## Kesalahan

7. Mana-mana orang yang tidak mematuhi Arahan ini melakukan kesalahan di bawah seksyen 50E Akta dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya

Tarikh : **15 Mei 2026**



**SITI SAFINAH BINTI SALLEH**

Ketua Pegawai Eksekutif

Suruhanjaya Tenaga